

Gaji minimum RM1,200 tidak dapat diterima — PM 26

Oleh ISMAIL DAUD

UM - 1 MAY 2000
KUALA LUMPUR 30 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak dapat menetapkan gaji minimum RM1,200 sebulan seperti yang dicadangkan oleh kesatuan sekerja kerana ia akan mengakibatkan kenaikan gaji ke paras yang terlalu tinggi.

Perdana Menteri berkata, kenaikan yang tinggi termasuk gaji eksekutif akan menyebabkan kerajaan dan sektor swasta tidak mampu menanggungnya dan seterusnya membawa kepada kemusnahan ekonomi negara.

Beliau memberi contoh, jika seorang pekerja yang bergaji RM400 sekarang dinaikkan kepada RM1,200, maka pekerja yang bergaji RM1,200 juga akan menuntut kenaikan yang sama, iaitu sebanyak RM800 kepada RM2,000 sebulan.

Pada masa yang sama, katanya, pekerja yang bergaji RM2,000 pula akan menuntut kenaikan RM800 juga dan seterusnya diikuti eksekutif yang bergaji lebih tinggi dengan alasan mengekalkan jarak gaji seperti sekarang.

“Dengan perkataan lain, penentuan gaji minimum yang tinggi

akan menyebabkan kenaikan gaji yang menyeluruh yang tidak mampu dipikul oleh kerajaan atau swasta.

Salah tafsir

“Saya tidak perlu menyebut apa yang akan terjadi kepada ekonomi negara dan daya saingnya (jika cadangan itu dilaksanakan),” katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja esok.

Dr. Mahathir menjelaskan, laporan yang menyebut beliau bersejua dengan penetapan gaji minimum sebanyak RM1,200 sebulan sebenarnya telah disalah tafsir.

Katanya, apa yang beliau maksudkan ialah pekerja wajar mendapat upah sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan hasil daripada peningkatan produktiviti pekerja dan majikan.

“Sesungguhnya cara yang terbaik untuk menaikkan upah kita ialah dengan meningkatkan produktiviti kita. Pendapat bahawa upah dapat ditambah melalui ujian kekuatan antara pekerja dan majikan adalah salah,” tegasnya.

Kata beliau, walau siapa pun yang menang, ujian kekuatan mempunyai kos yang tinggi dan ia akan mengakibatkan negara kehi-

langan daya saing, pekerja dan majikan rugi dan seterusnya negara kehilangan pendapatan.

Sebaliknya, kata beliau, jika pekerja berjaya meningkatkan produktiviti tetapi kadar upah masih di tahap lama, maka rundingan dengan majikan perlu dan boleh diadakan.

“Jika ini tidak berjaya, maka orang tengah perlu diwujudkan untuk menimbangkan merit pendirian kedua-dua pihak dan memberi award yang adil dan berpatutan,” katanya.

■ Lihat muka 4

Gaji minimum RM1,200 tidak dapat diterima — PM

UM - 1 MAY 2000
Dr. Mahathir seterusnya mengingatkan bahawa pekerja negara maju dan kesatuan mereka memang mahu pekerja negara ini menggunakan pendekatan yang boleh memusnahkan negara.

Katanya, apabila itu berlaku, maka tidak ada persaingan lagi dan mereka boleh menuntut kenaikan upah bagi mereka lagi.

“Oleh itu, kita semua perlu bekerjasama untuk memajukan negara kita ini dan percayalah semua kita akan mendapat keuntungan dan nikmat yang jauh lebih tinggi apabila negara kita maju,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata, pada hari ini, Malaysia maju dan pekerjajaya mendapat lebih banyak peluang kerana jarang berlaku tindakan-tindakan perusahaan yang sekali gus berjaya menarik minat pelabur luar.

Katanya, jika mereka yakin bahawa bukan sahaja mereka tidak akan rugi kerana tindakan perusahaan tetapi sebaliknya akan lebih untung kerana pekerja akan meningkatkan produktiviti sepanjang masa, maka pelabur akan melabur dengan lebih banyak.

Katanya, apabila pelaburan meningkat, upah untuk pekerja juga

akan meningkat. Pelabur terpaksa menawarkan upah yang lebih baik untuk mendapatkan pekerja.

“Ini sebenarnya telah berlaku kerana insentif yang diberikan kepada pelabur oleh kerajaan menarik pelaburan yang begitu banyak sehingga bilangan pekerja tidak mencukupi walaupun pekerja asing dibenarkan masuk,” jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan amat menghargai sikap dan kefahaman pekerja yang menyumbang kepada kemajuan negara dan justeru, bersedia mempertimbangkan setiap pandangan dan masalah pekerja.

Katanya, kerajaan juga akan cuba membantu setakat apa yang termampu untuk kebaikan mereka kerana kerajaan tidak ingin melihat jarak yang terlalu jauh antara golongan yang berpendapatan rendah dan tinggi.

Beliau berkata, kalau pun kerajaan tidak bersetuju dengan desakan pekerja, sebabnya adalah kerana kerajaan terpaksa memikirkan kepentingan negara secara menyeluruh, yang mana maju mundurnya negara akan mempengaruhi nasib pekerja juga.